

**KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN**

**BILANGAN 14 TAHUN 2019**

**DASAR PEMBERIANMILIK TANAH KERAJAAN DI DALAM MUKIM  
BANDAR KEPADA PESURUHJAYA TANAH KELANTAN**

---

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 12/2019 yang bersidang pada 24hb Jun 2019 telah menimbang Kertas Bilangan 12/2019/D 19(107) dan membuat keputusan meluluskan Dasar Pemberianmilik Tanah Kerajaan Di Dalam Mukim Bandar Kepada Pesuruhjaya Tanah Kelantan.

2. Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Kelantan Bilangan 5 Tahun 1988 telah menetapkan dasar supaya permohonan-permohonan pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965 yang terletak di dalam bandar atau berhampiran bandar tidak diperakukan kepada mana-mana orang perseorangan.
3. Pemberimilikan tanah dalam bandar kepada individu/orang perseorangan akan meningkatkan kos pembangunan bandar apabila kerajaan perlu membuat pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 apabila ianya diperlukan pada masa hadapan. Justeru, pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965 kepada Pesuruhjaya Tanah Kelantan yang bertindak sebagai nomine kepada Kerajaan Negeri boleh mengelakkan tanah dalam kawasan bandar daripada diceroboh dan diberimilik kepada individu/orang perseorangan.
4. Sehubungan dengan itu, semua Pentadbir Tanah haruslah mengambil langkah sewajarnya mengenai dasar ini dengan mengenalpasti tanah-tanah yang terlibat dan mengemukakannya kepada Urusetia Pesuruhjaya Tanah Kelantan untuk mendapat pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.

5. Permohonan-permohonan baharu pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965 di dalam kawasan bandar daripada individu/orang perseorangan hendaklah ditolak secara penolakan awal semasa memproses Borang Kajian Awal mengikut Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Kelantan Bilangan 7 Tahun 2015. Manakala bagi permohonan-permohonan yang telah diterima melalui Borang Jadual 1 Kanun Tanah Negara 1965 haruslah dikumpulkan, diangkat dan disyorkan untuk ditolak secara berkelompok oleh Pihak Berkuasa Negeri.

6. Dasar ini adalah dikecualikan kepada permohonan pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965 yang diterima daripada Agensi di bawah Kerajaan Negeri(GLC) iaitu Perbadanan Menteri Besar Kelantan(PMBK) dan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan(PKINK) dan Pihak Berkuasa Tempatan(PBT).

7. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta-merta dan semua Pentadbir Tanah di seluruh negeri Kelantan hendaklah mengambil maklum dan tindakan sewajarnya bagi melaksanakannya.



**DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL, D.P.S.K.(Kelantan), K.M.N.**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN.

**KEPADА:**

Yang Amat Berusaha,

Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

**SALINAN KEPADA:**

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan

3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Negeri Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3,KOTA DARUL NAIM  
15576, KOTA BHARU, KELANTAN.**

NO FAIL : PTG.KN.1/2/20(5).  
BERTARIKH : 10 September 2019.